Raja minyak yang kaya sekali di dunia

Walaupun hasil minyak yang didapati dalam tahun 1952 berjumlah lima puluh jua paun, tetapi raja negeri "al-Kuwait" Syeikh ʿAbdullāh al-Ṣabāḥ tetap bersemayam di sebuah Istana kecil yang terletak di tepi Teluk Parsi. Kekayaannya tidak bertolok benda yang dan tidak pernah oleh siapa-siapa pun, baik raja-raja India atau milioner-milioner yang terkenal dalam lapangan perusahaan di dunia.

(Oleh Ibn Baṭūṭah)

Raja al-Kuwait yang kaya raya itu berusia hampir-hampir enam puluh tahun, gempal tubuhnya, tinggi pendiriannya dan mempunyai sahsiah yang menarik. Sifat belas kasihan dan baik hati nyata kelihatan diruang matanya. Suaranya lemah-lembut dan tenang tetapi berpengaruh.

Negeri yang kecil itu, yang terletak di tepi teluk Parsi dan berpenduduk 150,000 orang. Adalah mengandungi perbendaharaan yang tidak ternilai.
Lima tahun yang lalu, negeri itu adalah sebuah negeri yang dilupai dan tidak kedengaran beritanya dibincangkan orang. Penduduknya pada masa itu hanya menduduki pondok-pondok yang dicelahi oleh lorong-lorong yang sempit. Sedang di sana tidak ada air paip bahkan telaga-telaga air terlalu kecil jumlahnya. Sekalian penduduk terpaksa membawa air minum mereka dengan tongkang-tongkang daripada tempat yang sejauh seratus batu.

Sekalian penduduk pada masa yang lalu – dikecualikan, sedikit-sedikit yang menjadi saudagar-saudagar mutiara – Adalah hidup papa dan diserang oeh berbagai-bagai penyakit.

Dalam tahun 1934, dua buah syarikat asing telah mendapat kebenaran daripada raja Kuwait untuk mencari minyak di negerinya. Pada tahun 1938 minyak telah didapati tetapi dengan menyala peperangan maka perusahaan itu telah terkandas.

Perusahaan itu telah dijalankan semula pada tahun 1947 segala telaga minyak di situ telah melimpah dengan tidak di sangka-sangka. Biasanya sebuah telaga minyak di Amerika Syarikat boleh mengeluarkan enam belas tong sehari tetapi sebuah telaga di negeri Kuwait dapat mengeluarkan empat ribu tong bahkan ada yang dapat mengeluarkan enam belas ribu tong.

Sebuah telaga yang memakan belanja menggalinya sebanyak 880 paun dapat menutup belanja yang tersebut hanya dalam seminggu sahaja. Kemudian telaga itu terus menerus mengeluarkan hasil yang berharga 3,500,000 paun setahun.

Pada tahun 1949, telaga-telaga minyak petroleum di "Barjan" (Kuwait) mengeluarkan minyak 240,000 tong sehari tetapi pada tahun 1951 jumlah hasil minyak telah bertambah besar iaitu 650,000 tong sehari, jumlah hasil ini masih bertambah.

Sudah tentu telaga-telaga minyak ini mendatangkan perubahan yang besar di negeri Kuwait negeri yang tenang diam itu telah bertukar kepada sebuah negeri yang segala-gala di dalamnya bergerak maju dengan riuh-rendahnya padang pasir telah penuh dengan alat-alat dan perkakas menggali dan stor-stor bahan-bahan bandar Kuwait pula kelihatan pada malam hari sama seperti siang hari.
Sebesar-besar pelabuhan didunia untuk mengisi minyak telah dibina di tepi Teluk Parsi. Beberapa bandar baharu telah dibina di Padang Sahara dicelahi dengan jalan-jalan yang berbaris di kiri kanan rumah-rumah rendah yang menjadi pejabat-pejabat, rumah-rumah

tumpangan dan hospital-hospital.

*

Medan pekerjaan telah terbuka dengan seluas-luasnya kepada sekalian penduduk sehingga kerja-kerja itu telah menjadi beribu-ribu banyaknya. Pada mulanya orang-orang Arab penduduk "Kuwait" hanya dapar mengerjakan kerja-kerja kasar tetapi kemudian sekolah-sekolah pertukangan telah diberikan sehingga tidak berapa antaranya mereka baik menjadi penolong "*engineer*" , mekanik, tukang kayu, dan pejalan motokar. Kepada mereka juga telah diserahkan untuk mendirikan bangunan-bangunan syarikat-syarikat baharu dan dengan itu, zahirlah suatu tungkatan pemborong-pemborong atau kontraktor-kontraktor yang kaya, beberapa pasar baharu telah lahir dinegeri Kuwait penuh dengan benda-benda jualan yang mahal, seperti perkakas rumah, alat-alat elektronik, *refrigerator* dan radio. Dalam pada itu banyak saudagar-saudagar luar yang datang ke situ menenggelamkan negeri itu dengan dagangan-dagangan yang berbagai-bagai jenis.

Dalam masa terjadi perubahan yang besar ini mangkatlah raja negeri itu "Syeikh Aḥmad al-Jābarī" lalu diganti oleh sepupunya raja Kuwait yang ada sekarang: seorang yang terpelajar, bercita-cita tinggi dan merendah diri. Semenjak baginda menduduki takhta kerajaan tidak mencuba berlaku membazir, dan tidak pula mengubah cara hidupan supaya padan dengan kekayaan, yang besar itu, bahkan telah berkekalan sebagaimana keadaannya yang dahulu. Tinggal di rumah lamanya yang kecil itu dan tidak pergi Kastan melainkan ketika menjalankan urusan pemerintahan.

Soal kesukaran air telah mulai dapat diselesaikan kerana syarikat yang menggali minyak telah memulai menapis air laut dan dapat mengeluarkan daripadanya air tawar sebanyak 600,000 gelen sehari. Raja Kuwait sendiri telah memulai mendirikan alat penapis yanglain yang akan dapat mengeluarkan 1,200,000 gelen sehari sebuah hospital besar yang cukup lengkap dengan kealatan baharu dan ubat-ubat telah didirikan olehnya.

Sekolah-sekolah matan pada masa yang lalu hanya empat buah sahaja iaitu sekolah-sekolah rendah yang murid-muridnya berjumlah 600 orang tetapi sekarang baginda telah mendirikan sebuah sekolah baharu boleh muat delapan ribu murid dan telah mendirikan sebuah sekolah menengah dan sebuah universiti kecil yang cukup lengkap dengan bilik-bilik penyiasatan, kutubkhanah , padang permainan dan rumah tumpangan atau hospital.

Baginda telah menggunakan tenaga sejumlah besar orang-orang Inggeris dan Amerika yang bijak pandai pada membina dan memperelok kampung-kampung baharu dan mengatur urusan-urusannya yang mengenai iktisad. Pelajaran dan masyarakat baginda menghabiskan semua masanya pada mentadbir urusan pemerintahan bersama dengan pegawai-pegawai dan penasihat-penasihatnya, dan mengawas sendiri akan kerja-kerja pembangunan.

Hasil Raja Kuwait dengan mengejut telah melompat dari sepuluh juta paun setahun pada tahun 1951 kepada lima puluh juta paun setahun pada rahun 1952 kalau sebahagian besar daripada wang tabf sepuluh juta itu masih tersimpan di dalam bank maka tetapi pula dapat dibelanjakan yang lima puluh juta paun itu?

Sebenarnya Timur Tengah yang dijangkakan jumlahnya 53,000,000,000 tong adalah suatu kekayaan yang terpendam yang akan mencukupi untuk memperbaikki negeri-negeri yang terlingkung di dalamnya dan untuk meluaskan perusahaan, mendirikan sekolah-sekolah dan hospital-hospital tetapi yang payahnya minyak petrol itu hanya didapati didalam negeri-negeri yang sedikit penduduknya seperti : al-Kuwait, Saudi Arabia, Iraq, dan Iran sedang negeri-negeri yang banyak penduduknya seperti Mesir, Suria, Lebanon, Syraq al-Ardan dan Turki hanya sedikir sangat di dapati minyak di dalamnya. Bahkan ada yang tidak didapati langsung.

"Suatu cadangan telah dimajukan kepada Raja al-Kuwait ini supaya sebahagian besar daripada hasilnya yang berjuta-juta itu dipinjamkan kepada negara-negara Arab yang kekurangan

(Sambung pada muka 25)